

HARUN bersama karya-karya lukisannya dalam pelbagai medium termasuk mural yang terpamer di Muzium Istana Kesultanan Melaka.
- RASUL AZLI SAMAD



Tangan seni menterjemah
lipatan sejarah

HARUN LAT. Itulah nama karyawan yang menyumbang keringat menterjemahkan lipatan sejarah ke dalam karya-karya lukisan khususnya garis masa penubuhan negeri Melaka dan Sarawak. Seni tangannya yang dipamerkan di muzium adalah sebuah mesin masa yang membawa generasi pada hari ini kembali ke zaman Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511 dan babak-babak kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1839.

Menurut anak kelahiran Kedah berusia 77 tahun itu, segalanya bermula selepas dia menyertai pasukan tentera pada tahun 1995 di Sarawak. Bakatnya mula diketengahkan dalam majlis-majlis rasmi menerusi tata hias program termasuk lakaran serta seni tulisan.

“Pada tahun 1974, ketika masih dalam tentera, saya telah dimaklumkan bahawa pasukan polis Sarawak memerlukan khidmat seorang pelukis lakaran dengan kemahiran baik untuk menghebahkan

SALAH satu lukisan gambaran suasana semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan imaginasi Harun.




mesej berkenaan komunis yang berleluasa pada waktu itu.

“Akhirnya saya diminta untuk membantu pasukan pertahanan itu bagi menyediakan lakaran hutan, wajah suspek dan paling utama menghasilkan komik mengenai komunis bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

“Saya kemudian bersara daripada pasukan tentera pada tahun 1976 dan meneruskan perkhidmatan dengan pasukan polis sebagai pelukis komik komunis,” katanya kepada *Panorama*.

Harun turut menunjukkan sekeping Surat Kepujian kepada penulis yang isinya menyatakan kebijaksanaan Harun bertugas di Bahagian Saraf, Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis (IPK) Sarawak sejak 1974.

“Hasil daripada karya lukisan anda yang bermutu dan menarik telah berjaya membantu menghapuskan



HARUN telah ditawarkan menghasilkan lukisan untuk dipamerkan muzium di Melaka sejak tahun 1989.

beberapa orang anasir komunis dan dapat memulih mereka kembali ke pangkuan masyarakat,” kata surat itu yang ditandatangani Tan Sri Yuen Yuet Leng yang ketika itu merupakan Pesuruhjaya Polis Sarawak.

Harun memberitahu, dia meneruskan peranan itu selama 10 tahun sebelum membuat keputusan untuk membuka wisma seni sendiri, Harun Lat Art Centre di Wisma Seberkas di Sarawak pada 1984.

Katanya, dia kemudian kerap mengunjungi Muzium Sarawak dan mendapati tidak ada satu pun sejarah diterjemahkan ke dalam karya lukisan, sebaliknya hanya penceritaan melalui teks semata-mata.

Pada tahun 1975, Harun telah menghasilkan karya sejarah pertamanya bertajuk *Rentap di Bukit Sadok* diikuti beberapa buah lagi karya termasuk kejadian Rosli Dhobi menikam sampai mati Gabenor British Sarawak yang kedua, Sir Duncan Stewart dengan menggunakan pisau beracun di Sibiu pada 3 Disember 1949.

“Saya memang lahir di Kedah tetapi Sarawak yang melahirkan saya sebagai artis (pelukis). Saya asah bakat saya di kuarters syarikat air Sarawak dengan bergurukan seorang anak perantauan Kedah juga, Hamid Ahmad.

“Dia kenakan yuran RM35 sebulan untuk saya pelajari cara menggunakan cat atau media berwarna di atas

EKSTRA

KARYA HARUN LAT DI MUZIUM MELAKA

- Terdapat lebih 70 hasil karya beliau berkisar sejarah negeri Melaka dipamerkan di dua buah muzium di negeri itu iaitu Muzium Istana Kesultanan Melaka dan Muzium Sejarah, Alor Gajah
- Merupakan imaginasi mengenai suasana semasa Kesultanan Melayu Melaka termasuk watak-watak seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Tun Kudu dan lain-lain
- Bukan sahaja lukisan bingkai, beliau juga diberi kepercayaan untuk menghasilkan lukisan mural dan sangga belakang seni diorama
- Khidmat Harun



BUKAN sahaja gambaran suasana kesultanan, Harun juga melukis gambaran hukum kanun Melaka.

dahulukala dan pakaian masyarakat ketika itu,” katanya.

Jelasnya, proses menyiapkan lukisan berwarna itu bagaimanapun bukanlah mudah, malah dua hasil imaginasi turut ditolak dan perlu digantikan dengan gambaran dekat melibatkan sebuah pertempuran di Istana Melaka.

Selain sejarah kepahlawanan Kesultanan Melayu Melaka, beliau turut melakarkan siri hukum kanun Melaka. Antaranya hukuman kepada pesalah yang hendak mencuri akan

Nilai sejarah kembali diselami

KELANGSUNGAN penghasilan sesebuah karya termasuk yang mempersembahkan nilai sejarah negara pada hari ini dipengaruhi pelbagai faktor termasuk agenda karyawan itu sendiri dan permintaan pasaran.

Kejayaan sesebuah karya atau filem yang berunsur sejarah turut mendorong nilai-nilai sejarah kembali dihayati masyarakat.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM),

kanvas kerana sebelum itu saya hanya pandai membuat lakaran hitam putih.

"Saya kemudian berlatih di rumah sehinggalah berjaya menghasilkan karya-karya berwarna untuk tatapan di Muzium Sarawak," katanya.

Kemudian, sekitar tahun 1981, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik yang ketika itu merupakan Ketua Menteri Melaka telah datang ke Muzium Sarawak dan terpicat dengan hasil seninya. Pada tahun 1989, beliau memintanya datang ke Melaka bagi membincangkan projek menghasilkan 10 buah karya berkisarkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Sehingga kini, Harun masih menyimpan surat tawaran lukisan tersebut dan antara butiran bertarikh 1 September 1989 itu adalah persetujuan pembayaran setiap lukisan dengan harga RM2,500 dan syarat-syarat yang mesti dipenuhi termasuklah karya itu perlu dibuat serta disiapkan di Melaka.

Pada 1990, Harun membawa isteri dan lima anaknya berpindah ke Melaka bagi menyiapkan karya tersebut dengan dibantu bekas Pengarah Muzium Melaka ketika itu Abdul Jalil Othman.

"Setiausaha Lembaga Muzium Melaka ketika itu, Datuk Khamis Abas juga telah menyediakan teks sejarah dan semua karya tersebut berjaya disiapkan dalam tempoh 10 minggu menggunakan daya imaginasi saya berdasarkan hikayat berkenaan.

"Dia (Khamis) selesai baca teks, saya terus dapat bayangan lakaran, saya nampak suasana perkampungan

Kini Harun juga diperlukan untuk membaik pulih karya-karya lama yang telah rosak dimamah usia

- **Selain Harun, antara karya-sahar sejarah tersohor yang membantu menterjemahkan sejarah negeri Melaka ialah Ismail Embong**



HARUN menunjukkan surat-surat lama antaranya surat tawaran menghasilkan lukisan untuk muzium Melaka.

diconteng mukanya dengan kapur, arang dan kunyit lalu dinaikkan di atas kerbau dan dibawa mengelilingi kampung. Mereka yang telah mencuri pula akan dipotong tangannya.

Sementara itu, Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (Perzim), Dr. Mohd Nasruddin Rahman berkata, sehingga kini terdapat lebih 70 karya Harun dipamerkan di dua buah muzium di negeri ini.

"Harun juga telah menghasilkan karya mengenai Hang Jebat, Hang Tuah dan Tun Kudu bagi bahagian pameran Diorama.

"Setakat ini, kita telah mempamerkan sebanyak 70 buah lukisan yang dilukis sepenuhnya oleh beliau yang dipamerkan di Muzium Istana dan di Alor Gajah," katanya.

Prof. Madya A. S. Hardy Shafii, penghasil karya itu bergantung kepada kecenderungan seniman sama ada bagi memenuhi permintaan klien, mengikuti nilai pasaran atau inisiatif peribadi.

"Baru-baru ini, memang ketara nilai seni mengenai sejarah itu kembali diselami masyarakat selepas ledakan filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* dan menjadi trending.

"Jadi, selain inisiatif sendiri, bila berlaku fenomena tersebut, seniman dan pelukis lain juga akan terpanggil untuk menghasilkan pelbagai karya yang berkaitan dengan isu semasa contohnya seperti karya mengenai pahlawan Mat Kilau dan Datuk Bahaman," katanya.

Bagaimanapun jelasnya, peranan yang dimainkan seseorang karyawan itu begitu penting kerana ia memikul agenda masing-masing termasuk dalam mengetengahkan tokoh yang tidak didendangkan.

"Pada hari ini, kita lihat kebanyakan hanya nama-nama pejuang Tanah Melayu yang diangkat, manakala tokoh yang disifatkan berhaluan kiri tidak dipersembahkan meskipun namanya terpahat dalam sejarah," katanya kepada *Panorama*.

Tambahnya, penghasilan seni itu juga tidak seharusnya dibataskan dengan nilai sejarah yang diterapkan sejak dibangku sekolah dan ilmu pengetahuan itu perlu diseimbangkan melalui karya-karya seniman.

"Sebagai contoh, Yap Ah Loy diangkat sebagai tokoh yang memajukan Kuala Lumpur, sedangkan Haji Abdullah Hukum telah menyumbang pelbagai usaha untuk kepesatan ibu kota itu melalui aktiviti pertanian.

"Bagaimanapun, dewasa ini namanya dan perjuangannya hanya dicatatkan pada nama Kampung Haji Abdullah Hukum dan stesen LRT Abdullah Hukum," katanya.



A.S HARDY